

AHLI Majlis Perwakilan Pelajar USIM bergotong royong memasak bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai di bazar Ramadan sekitar Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



MPP USIM agih bubur lambuk



AHLI Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama 1Malaysia For Youth (1M4U) meneruskan tradisi memasak bubur lambuk secara gotong-royong untuk diedarkan kepada orang ramai pada setiap kali tibanya bulan Ramadan.

Aktiviti yang telah masuk tahun kedua itu baru-baru ini berlangsung di Taman Desa Melati, Nilai, Negeri Sembilan dan disertai kira-kira 15 orang ahli MPP serta mendapat bantuan daripada beberapa kakitangan USIM.

Kerja-kerja menyediakan bubur lambuk telah dimulakan seawal pukul 12.00 tengah hari dan semua persiapan berjalan lancar. Ini kerana mereka sudah diberikan tugas masing-masing dengan tujuan melicinkan aturcara program daripada proses penyediaan sehinggalah ke proses pembungkusan.

Ironinya, program ini bukan sahaja menyaksikan keberadaan mahasiswa

dalam kalangan masyarakat setempat, bahkan ia juga memupuk sifat bersedekah. Hal ini kerana Islam sangat menggalakkan umatnya bersedekah dan mengangkat darjat orang yang bersedekah, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan.

Menurut Naib Yang Dipertua MPP, Muhammad Azizi Alias, penganjur aktiviti itu bukan sahaja mendekati pelajar kepada masyarakat, malah memberi peluang menambah amalan pahala sempena bulan yang mulia ini.

"Cuti semester dimanfaatkan untuk melakukan ibadah, di samping memberi pengalaman yang bermakna buat peserta," katanya.

Tepat pukul 5.30 petang, proses pengedaran bubur lambuk dimulakan dan ia mendapat sambutan yang sangat baik daripada pengunjung bazar Ramadan di sekitar Nilai, Negeri Sembilan. Dalam tempoh 15 minit, sebanyak 300 bungkus bubur lambuk berjaya diedarkan kepada orang ramai. 🍲

